


# Wusyu: Diana Bong sumbang perak



**SELEPAS** menyumbang pingat emas dalam acara Nan Dao wanita pada Sabtu lepas, atlet senior wusyu negara, Diana Bong sekadar mengutip pingat perak melalui acara Nan Gun wanita pada Kejohanan Wusyu Dunia ke-12 yang berlangsung di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras semalam.

Atlet berusia 28 tahun dari Kuching, Sarawak itu memperoleh 9.58 mata, ketinggalan 0.02 mata di belakang pemenang pingat emas, Misaki Saka dari Jepun.

Pingat gangsa menjadi milik Lin Chih-Yu dari Taiwan dengan 9.56 mata.

"Walaupun hanya mendapat pingat perak, saya tetap berpuas hati dengan prestasi saya pada kejohanan dunia kali ini. Kebiasaannya selepas tiga hari bertanding, kebanyakan atlet akan

menjadi letih, termasuk saya.

"Tetapi hari ini (semalam) saya rasa persembahan saya lebih stabil berbanding prestasi dalam dua acara sebelum ini. Saya puas hati sebab dapat memperbaiki keputusan saya dalam acara ini," katanya.

Beliau memperoleh pingat gangsa dalam acara yang sama ketika menyertai kejohanan yang sama di Kanada pada 2009 dan Turki (2011).

"Secara keseluruhannya saya amat berpuas hati dengan prestasi saya.

"Pencapaian di sini memberi semangat kepada untuk saya memberi persembahan terbaik di Sukan SEA Myanmar nanti," katanya.

Sementara itu, skuad wusyu negara turut menambah satu lagi pingat gangsa melalui Chai Fong Wei dalam acara Dao Shu wanita selepas mengumpul

9.61 mata.

Acara itu dimenangi peserta dari Hong Kong, Geng Xiao Ling dengan 9.63 mata manakala pingat perak menjadi milik peserta Vietnam, Hoang Thi Phuong Giang yang mendapat 9.62 mata.

Pingat gangsa berkenaan adalah yang kedua buat pelajar tahun akhir jurusan Pentadbiran Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada kejohanan kali ini.

Nasib tidak menyebelahi seorang lagi atlet negara, Ng Shin Yii selepas sekadar menamatkan saingan di tempat ke-10 dalam acara Taiji Jian wanita.

Acara itu dimenangi peserta Indonesia, Lindswell.

**Diana Bong** sekadar menyumbang pingat buta kontinjen negara menerusi acara Nan Gun wanita pada Kejohanan Wusyu Dunia Ke-12 di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras semalam.

